

Telegram: "CHIEFMIN KOTA KINABALU"

BIL.

Tolong sebutkan rujukan fail kami  
dalam jawapan surat ini  
(Please quote our file reference  
in your reply to this letter)



**JABATAN KETUA MENTERI**  
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)

Aras 28, Blok A,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan UMS, Teluk Likas  
**88400 KOTA KINABALU**  
Sabah, Malaysia

Tel.: 088-369900/369901  
Faks: 088-211016

Rujukan: JKM. 100-4/62  
Tarikh: 02 Disember 2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian;  
Semua Ketua Jabatan Negeri;  
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri;  
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan; dan  
Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah Kecil.

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

### **OPERASI PEJABAT KERAJAAN NEGERI SABAH MULAI 07 DISEMBER 2020**

Perkara di atas dirujuk.

2. Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang berkuatkuasa pada masa ini, Kerajaan sekali lagi menggesa semua pihak untuk mematuhi **sepenuhnya** langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19 di semua premis kerajaan.
3. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam sentiasa berada di tahap yang baik, semua Ketua Organisasi hendaklah mengawal kehadiran penjawat awam di premis-premis Kerajaan Negeri pada tahap **50%** setiap masa **mulai 07 Disember 2020**.
4. Ketua Organisasi hendaklah menjadual semula kehadiran di pejabat masing-masing. Pertimbangan dan kelonggaran kepada mana-mana pegawai untuk bekerja dari rumah hendaklah berasaskan bahawa urusan atau tugas pegawai berkenaan tidak memerlukan keberadaan pegawai di pejabat pada masa-masa yang ditetapkan.
5. Semua penjawat awam hendaklah mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.
6. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama-sama memerangi penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

( **DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.** )  
Setiausaha Kerajaan Negeri

**"SABAH MAJU JAYA"**